



NOTIS AWAM

PEMERIKSAAN AWAM TERHADAP PELAN DAERAH KOTA MARUDU DAN PELAN TEMPATAN KOTA MARUDU DI BAWAH SEKSYEN 7(2), ORDINAN PERANCANG BANDAR DAN DESA (CAP. 141)

(26 OKTOBER 2021 SEHINGGA 25 NOVEMBER 2021)

1. Notis ini dikeluarkan kepada orang awam bahawa Majlis Daerah Kota Marudu (MDKM) kini sedang mengemaskini Pelan Daerah Kota Marudu dan Pelan Tempatan Kota Marudu. Pelan-pelan ini merupakan dokumen yang akan digunakan oleh Majlis Daerah Kota Marudu sebagai instrumen kawalan pembangunan utama di Daerah Kota Marudu.
2. Oleh yang demikian, selaras dengan peruntukan di bawah Seksyen 7(2), Ordinan Perancang Bandar dan Desa (CAP. 141), draf pelan ini akan dipamerkan di laman sesawang seperti berikut:
 - i) **Majlis Daerah Kota Marudu**
<https://pemeriksaanawamterhadapskimper.godaddy.com/laman-utama>
 - ii) **Rujuk laman sesawang Jabatan Perancang Bandar dan Wilayah Negeri Sabah**
3. Pelan-pelan tersebut akan dipamerkan selama tiga puluh (30) hari berkuatkuasa 26 Oktober 2021 hingga 25 November 2021. Mana-mana pihak atau badan awam yang ingin membuat bantahan boleh mengisi maklumbalas secara dalam talian dalam laman web khusus tersebut.
4. Hanya maklumbalas yang lengkap dalam borang sahaja yang akan diberi pertimbangan dalam mesyuarat yang akan ditetapkan oleh pihak Majlis Daerah Kota Marudu kelak. Pihak pembantah boleh menghadiri sendiri atau diwakili oleh peguambela atau mana-mana wakil yang diberi kuasa.

Bertarikh di Kota Marudu 26 Oktober 2021

[ALEXANDER YONG]
PENGERUSI
MAJLIS DAERAH KOTA MARUDU